

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 MARCH 2015

# Jet eksekutif baharu kurang kos kerajaan

» Pesawat sedia ada berusia 16 tahun dilupus untuk biayai ACJ320

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**eputusan kerajaan membeli pesawat eksekutif Airbus Corporate

Jetliner (ACJ320) bertujuan mengurangkan kos operasi, pengurusan dan penyelenggaraan pesawat sedia ada, Boeing Business Jet (BBJ) yang sudah digunakan selama 16 tahun.

Jabatan Perdana Menteri dalam kenyataan semalam, berkata perolehan pesawat baharu itu dibuat melalui kontrak pembelian sewa beli untuk tempoh 15 tahun.

“Pesawat BBJ digunakan oleh Penerbangan Malaysia (MAS) sejak tahun 1999 sebelum kerajaan memperoleh kapal terbang berkenaan pada tahun 2003 untuk kegunaan

”  
*Perbincangan bagi menggantikan BBJ mula dibuat dua tahun lalu kerana kos penyelenggaraan kapal terbang berkenaan semakin meningkat berikutan faktor usia dan risiko keselamatan”*

**Kenyataan Jabatan Perdana Menteri**

Yang di-Pertuan Agong. Pesawat BBJ kini berusia 16 tahun,” kata kenyataan itu.

Berikutan perolehan pesawat baharu, kata kenyataan terbabit, pesawat BBJ akan dilupuskan bagi membiayai pembelian ACJ320.

**Kos selenggara meningkat**

“Perbincangan bagi menggantikan BBJ mula dibuat dua tahun lalu kerana kos penyelenggaraan kapal terbang berkenaan semakin meningkat berikutan faktor usia dan risiko keselamatan.

“Perolehan ACJ320 dalam ‘fleet’ pesawat eksekutif kerajaan dapat mengurangkan kos operasi, pengurusan dan penyelenggaraan kerana kita sudah mempunyai ACJ320,” kata kenyataan berkenaan.

Selain ACJ319 dan ACJ320, ‘fleet’ pesawat eksekutif kerajaan, termasuk kapal terbang lebih kecil, iaitu Falcon diperolehi pada tahun 1989 dan Global Express pada tahun 2001.